

18 OCT 2002

Bentuk demokrasi: Malaysia tidak perlu malu

NEW DELHI, Khamis - Malaysia tidak perlu malu terhadap bentuk demokrasi yang diamalkannya kerana ia terbukti berfungsi dan memberi manfaat kepada rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada negara yang menggelarkan diri mereka republik demokratik tetapi sebenarnya tidak mengamalkan demokrasi.

"Ada banyak jenis demokrasi. Ada demokrasi liberal dan ada demokrasi terpimpin.

"Apa yang paling penting ialah keupayaan rakyat untuk memilih pemimpin dan kerajaan dan juga kebolehan rakyat untuk menjatuhkan kerajaan melalui peti undi," katanya menjawab soalan selepas berucap di Sidang Kemuncak Pemiagaan Asean-India di sini hari ini.

Seorang daripada wartawan India yang mengikuti ucapan Perdana Menteri bertanya kepadanya pada sesi soal jawab itu kenapa Malaysia tidak mengamalkan demokrasi.

Dr Mahathir menjelaskan Malaysia memang mengamalkan demokrasi di mana setiap lima tahun tanpa pengecualian, negara mengadakan pilihan raya.

Malah, katanya, dalam pilihan raya itu di sesetengah negeri parti kerajaan pusat ditawarkan. Namun di peringkat kerajaan pusat kerajaan yang sama dipilih.

"Apakah hanya jika kerajaan ditukar baru sesebuah negara itu boleh digelar demokratik. Di sesebuah negara, kerajaan bertukar ganti setiap dua tahun. Dalam kes seperti ini kerajaan baru hendak belajar memerintah sudah ditukar dengan kerajaan lain.

"Apakah makna demokrasi jika kerajaan baru hendak merancang membangunkan negaranya sudah ditukar ganti dengan kerajaan yang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, ada yang mentakrifkan bahawa sesebuah negara mengamalkan demokrasi jika ada demonstrasi di negara itu.

Beliau berkata di Malaysia ~~ada~~ demonstrasi tetapi tidak kerap.

Beliau bertanya apa gunanya demonstrasi dan mogok yang kerap jika ia menakutkan pelabur asing dan tempatan daripada menanam modal di negara berkenaan.